

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Pemulihan COVID-19

Hanya tinggal dua Zon Merah

Sehingga jam 12 tengah hari semalam, Cheras catat 334 kes, manakala Rembau 77 kes

Oleh Suzalina Halid dan Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengawasan pandemik COVID-19 di Malaysia menunjukkan perkembangan positif apabila hanya dua zon merah direkodkan semalam, iaitu di Cheras, di sini dan Rembau, Negeri Sembilan.

Berdasarkan status terkini COVID-19 dikeluarkan Kementerian

Kesihatan Malaysia (KKM) sehingga jam 12 tengah hari semalam, Cheras merekodkan 334 kes, manakala Rembau pula 77 kes.

Selangor yang sebelum ini menjadi negeri kedua tertinggi kes COVID-19 di negara ini dengan keseluruhan 1,998 kes, juga bebas zon merah apabila daerah Hulu Langat merekodkan penurunan mendadak kes aktif sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Bagi pecahan peringkat nasional,


sebanyak 25 zon kuning direkodkan semalam dengan lapan adalah di Selangor, manakala Kuala Lumpur/Putrajaya pula mencatatkan tiga zon kuning, iaitu Lembah Pantai, Titiwangsa dan Kepong.

Pahang pula mempunyai dua zon kuning, iaitu Temerloh dan Maran, begitu juga di Melaka yang membabitkan daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah, manakala Negeri Sembilan hanya mempunyai satu zon kuning iai-

tu Seremban.

Labuan juga diklasifikasikan sebagai zon kuning dengan satu kes direkodkan, Sabah membabitkan Kota Kinabalu, Penampang, Tuaran, Beaufort, Keningau dan Pitas, manakala zon kuning di Sarawak adalah Kuching, Bintulu dan Samarahan.

Tujuh negeri lagi, iaitu Johor, Perak, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang bebas kes COVID-19.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Pemulihan COVID-19

Kluster baharu rumah penjagaan warga emas

Tiga individu dijangkiti sejak kes dikesan 17 Mei lalu

Oleh Suzalina Halid dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan mengesahkan kewujudan satu kluster baharu membabitkan rumah penjagaan warga emas di Kuala Selangor, yang kini menjangkiti tiga individu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata dua kes pertama dikenal pasti pada 17 Mei lalu hasil saringan pusat penjagaan warga emas.

"Selepas hampir sebulan, individu ketiga pula didapati positif COVID-19. Beliau disahkan positif selepas menjalani saringan dalam kalangan pesakit Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) dan kini dimasukkan ke Hospital Tanjung Karang sejak Sabtu lalu.

"Ini adalah saringan kali kedua diadakan terhadap individu kes ketiga ini dan beliau mendapat keputusan negatif ketika ujian pertama saringan COVID-19, iaitu ketika saringan pusat penjagaan warga emas," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, ujian saringan dilakukan ke atas 12 kakitangan pusat penjagaan berkenaan dan 26 penghuni dengan hasilnya mengesahkan semuanya negatif.

Katanya, pengesanan kes secara aktif dijalankan dan langkah pencegahan turut diambil termasuk operasi nyah kuman dan nyah cemar.

Beliau memaklumkan, sehingga kini saringan COVID-19 dilakukan di 421 pusat jagaan warga emas membabitkan 17,699 individu merangkumi penghuni, penjaga dan kakitangan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 15,848 sampel diambil dan 30 kes positif COVID-19 dilaporkan atau 0.2 peratus.

"Hanya lima individu atau 16.7 peratus menunjukkan gejala,



Pengesanan kes secara aktif dijalankan dan langkah pencegahan turut diambil termasuk operasi nyah kuman dan nyah cemar.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

manakala 25 individu atau 83.3 peratus tidak menunjukkan sebarang gejala COVID-19," katanya.

Mengenai statistik semasa COVID-19, Dr Noor Hisham berkata,

54 kes pulih dilaporkan menandakan jumlah individu sudah pulih sepenuhnya sebanyak 7,400 kes atau 87.1 peratus daripada keseluruhan kes.

Beliau berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam 41 kes baharu dilaporkan dan ia menjadikan jumlah kes positif di negara ini 8,494 kes dengan kebolehan jangkitan 973 kes.

"Ingin dimaklumkan daripada 41 kes baharu dilaporkan, tiga adalah kes import warganegara yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Daripada 38 kes penularan di dalam negara pula, 32 adalah bukan warganegara, manakala enam lagi membabitkan warganegara.

"Sehingga kini, empat kes positif COVID-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan tiada individu memerlukan bantuan pernafasan.

"Selain itu, tiada pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan hari ini (semalam).

"Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal 121 kes atau 1.42 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

3.7 juta daftar, guna aplikasi MySejahtera dalam tempoh lapan minggu

Putrajaya: Hampir 3.7 juta rakyat Malaysia direkod mendaftar dan menggunakan aplikasi MySejahtera dalam tempoh lapan minggu sejak ia diperkenalkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata antara fungsi MySejahtera paling popular ialah ialah *hotspot tracker* atau penjejakan kawasan panas, selain penilaian sendiri dan statistik terkini COVID-19 di Malaysia, negara ASEAN dan seluruh dunia.

"Fungsi *hotspot tracker* digunakan 13.3 juta kali sejak pelancaran pada 20 April lalu. Ia membantu merancang pergerakan pengguna untuk mengelak kawasan Zon Merah, selain tujuan penilaian risiko kesihatan untuk tanggungan dan penilaian sendiri yang boleh dijalankan dari semasa ke semasa.

"KKM juga memperkenalkan fungsi terbaru, iaitu MySejahtera Check-In yang dilaksanakan secara rintis pada 1 Jun lalu dan digunakan secara meluas mulai 6 Jun.

"Fungsi ini mendapat sambutan hangat. Dalam masa 13 hari sahaja sebanyak 119,837 premis perniagaan mendaftar untuk kod QR dengan 10,006,857 daftar masuk lokasi dicatat di seluruh negara," katanya pada sidang media harian, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, katanya statistik direkodkan aplikasi MySejahtera dianggap pencapaian membanggakan demi merealisasikan proses digitalisasi kesihatan di Malaysia," katanya.

Katanya, fungsi MySejahtera Check-In contohnya berkonsepkan *simple, safe dan secure* (mudah, selamat dan dilindungi).

"Ia senang digunakan kerana tiada borang manual diisi, sebaliknya pengguna hanya perlu mengimbas kod QR melalui aplikasi ini.

"Ia juga selamat kerana mengurangkan risiko jangkitan melalui sentuhan permukaan kerana tidak perlu berkongsi alat tulis dan mengurangkan tempoh menunggu untuk memasuki premis.

"Maklumat daripada pengguna juga dilindungi mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan hanya akan digunakan untuk pengesanan kontak jika diperlukan," katanya.

SOP kunjungan saringan ke rumah diperbaiki

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memperbaiki prosedur operasi standard (SOP) membabitkan lawatan warga kerjanya ke rumah, bagi tujuan melakukan ujian saringan kes COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata antaranya dengan memastikan pesakit dihubungi terlebih dahulu sebelum kunjungan ke mana-mana rumah dilakukan.

Beliau berkata, kerjasama kedua-dua pihak perlu dilaksanakan di mana pesakit juga harus memainkan peranan dengan menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau polis jika rasa curiga atau waspada kunjungan bagi tujuan ujian saringan.

Katanya, bagi warga kerja KKM pula, mereka harus memakai uniform dan membawa kad kuasa seperti ditetapkan dalam peraturan pihak kementerian.

"Kalau ada ketidakpastian ataupun rasa sangsi boleh hubungi pejabat kesihatan daerah, tetapi sepatutnya kita kena hu-

bungi mereka untuk dapatkan kepastian sama ada pasukan KKM ini dihantar ke rumah tertentu untuk pengesanan kes Yang disyaki (PUT) atau kes kuarantin di rumah.

"Contohnya, kalau jururawat datang ke rumah untuk merawat ibu dan bayi mereka memakai uniform dan ada kad kuasa baharu kita dapat memastikannya," katanya pada sidang media harian, di sini semalam.

Beliau berkata demikian mengulas maklumat tular di media sosial, mengenai beberapa individu mendakwa sebagai petugas KKM datang ke rumah untuk melakukan ujian calitan bagi COVID-19.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya terus menjalankan siasatan selepas maklumat itu tular dan hasilnya mendapati ia memang membabitkan warga kerja kementerian.

"Kes ini sudah selesai dan laporan polis pun sudah dibuat. Kita sendiri pada mulanya tidak pasti betul atau tidak kenyataan di Facebook itu, tetapi apa yang penting kita terus menjalankan siasatan," katanya.



Kakitangan KKM membuat pengesanan kes aktif dari rumah ke rumah untuk mengenal pasti penduduk yang mempunyai simptom COVID-19 di Kampung Baru pada 7 April lalu. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Henti sebar video pihak menyamar kakitangan kesihatan

Shah Alam: Orang ramai diminta berhenti menyebarkan video konon ada pihak menyamar kakitangan Kementerian Kesihatan (KKM) membuat pemeriksaan COVID-19 di kawasan Bukit Subang, di sini.

Dakwaan itu tidak benar kerana siasatan polis mendapati mereka adalah kakitangan sah kementerian yang menjalankan tugas.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Baharudin Mat Taib, berkata pihaknya menerima laporan kelmarin mengenai isu ini.

"Polis menjalankan siasatan mendapati ia adalah salah faham antara pengadu dan pihak yang hadir di lokasi rumah pengadu, di mana nombor pendaftaran yang diviralkan adalah salah dan tidak tepat sehingga wujud kenderaan yang lain.

"Tiga orang individu yang diviralkan disahkan sebagai kakitangan KKM dan kenderaan itu adalah milik Kementerian Kesihatan Daerah Petaling.

"KKM sudah membuat laporan polis pada hari ini (semalam) mengesahkan kehadiran pegawai KKM di lokasi bagi pemantauan individu dalam siasatan (PUI) COVID-19 pada 14 Jun kira-kira jam 2 petang," katanya.

Mengulas insiden sama, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kementerian akan memperbaiki prosedur operasi standard (SOP) membabitkan lawatan warga kerja ke rumah bagi melakukan saringan kes COVID-19 antaranya dengan menghubungi pesakit dahulu sebelum mengunjungi mereka.

Katanya, kerjasama kedua-dua pihak perlu dilaksanakan dengan pesakit juga harus memainkan peranan dengan menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau polis jika rasa curiga atau waspada dengan kunjungan bagi tujuan saringan atau rawatan.

Beliau berkata, bagi warga kerja KKM pula, mereka juga harus memakai uniform dan membawa kad kuasa seperti ditetapkan dalam peraturan pihak kementerian.

"Kalau ada ketidakpastian ataupun rasa sangsi boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah...tetapi sepatutnya kita kena menghubungi mereka untuk mendapatkan kepastian sama ada pasukan KKM ini dihantar ke rumah tertentu untuk kes PUI atau kes kuarantin di rumah," katanya.

KKM tak buat ujian calitan di rumah

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) tidak pernah melakukan sebarang aktiviti ujian calitan atau 'swab test' dari rumah ke rumah, kecuali dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Sehubungan itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengingatkan orang ramai tidak terpedaya dengan penipuan kumpulan tertentu yang menyamar sebagai petugas kesihatan mahu melakukan ujian itu di rumah mereka.

"KKM tidak melakukan ujian calitan dari rumah ke rumah, kecuali di kawasan PKPD yang diletakkan kawat duri.

"Selain kawasan PKPD, tiada tindakan daripada KKM pergi dari rumah ke rumah membuat

ujian calitan. Apa yang berlaku ini adalah kes penipuan.

"Saya ada bercakap dengan KKM dan hasil pemeriksaan dalam gambar yang tular ketika ini mendapati ia adalah nombor pendaftaran kereta Myvi," katanya pada sidang media semalam.

Beliau mengulas berhubung gambar dan dakwaan yang tular di media sosial, mengenai beberapa individu mendakwa sebagai petugas KKM, datang ke rumah untuk melakukan ujian calitan.

Ismail Sabri menegaskan, sesiapa yang berdepan dengan situasi berkenaan digesa melaporkan kepada polis dalam kadar segera kerana bimbang menjadi mangsa penipuan dan rompakan.

"Jika ada kes individu datang

ke rumah mengaku daripada KKM untuk apa sahaja tujuan, tolong lapor kepada polis dengan segera.

"Saya percaya KKM juga sudah membuat laporan polis berhubung perkara ini dan mereka akan mengambil tindakan segera.

"Saya harap kita semua berhati-hati dan jangan menjadi mangsa penipuan kepada segelintir pihak yang mengambil kesempatan sepanjang PKP ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, katanya, pengusaha perniagaan dan pemilik premis digesa menggunakan alat pengimbas suhu badan yang disahkan dan mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan.

Katanya, mereka tidak boleh mendapatkan bekalan itu seca-

ra sembarangan bagi mengelak ia tidak berfungsi sebaiknya sekali gus memberi bacaan yang salah.

"Kalau mereka sudah beli, mereka perlu perhatikan dari segi ketepatan bacaan suhu. Kalau ada masalah mereka perlu hantar baiki semula," katanya.

Katanya, polis tidak mempunyai keupayaan untuk melakukan semakan terhadap ketepatan bacaan alat berkenaan.

"Cuma pengusaha perniagaan itu sendiri mesti mengambil inisiatif memastikan ketepatan pengimbas suhu.

"Kalau pelanggan tak puas hati dan tak percaya (bacaan suhu badan yang diambil), boleh buat aduan kepada pasukan task force (PDRM) yang mungkin akan bawa hal ini kepada KKM," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Laksana jika fasiliti KKM lengkap

Kementerian kaji dari pelbagai sudut elak tambah beban kerja kakitangan

Oleh Suzalina Halid, Muhammad Yusri Muzamir dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sistem dua syif akan hanya dilaksanakan secara menyeluruh di klinik kesihatan jika ada penambahan jawatan dan peralatan di kemudahan itu bagi mengurangkan beban kerja di Kementerian Kesihatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sebelum penambahan jawatan itu, sistem dua syif berkenaan mungkin dilaksanakan dahulu secara perintis di beberapa klinik kesihatan.

"Kalau menggunakan sumber manusia sedia ada mungkin ramai tidak setuju sebab kena kerja

dua syif dari pagi sampai malam contohnya, jadi kita kena melihat isu pelaksanaannya.

"Justeru, sebelum dilaksanakan harus melihat pada sumber manusia warga KKM dan penambahan jawatan," katanya pada sidang media harian, di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas gesaan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) supaya ditangguhkan cadangan pelaksanaan sistem syif di klinik kesihatan di seluruh negara sehingga perbincangan dengan kesatuan dijalankan.

Pada masa sama, beliau berkata KKM akan melakukan perbincangan dengan agensi berkaitan berhubung pelaksanaan itu.

Terdahulu, Presiden CUEPACS, Adnan Mat, dalam satu kenyataan menggesa kementerian menangguhkan cadangan bekerja syif seluruh negara hingga perbincangan bersama kesatuan dan pihak berkepentingan diadakan.

Gesaan itu dibuat selepas CUEPACS menerima laporan, kementerian sedang menjalankan pungutan suara dalam ka-

langan kakitangannya.

Katanya, pungutan suara itu dibuat bagi meneliti cadangan pelaksanaan sistem syif dengan alasan utama diberikan bagi memastikan penjarakan sosial amalkan untuk mengelak kesesakan dalam premis terbabit.

Katanya, penting untuk kementerian mengadakan perbincangan dengan pihak berkenaan supaya maklum balas diterima daripada pekerja dan kesatuan diberi perhatian sebelum apa-apa cadangan dilaksanakan.

Kementerian dikatakan mahu

Sebelum dilaksanakan harus melihat pada sumber manusia warga KKM dan penambahan jawatan.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

mewujudkan sistem dua syif dalam kalangan kakitangan di klinik kesihatan, iaitu pagi dan petang, bermula jam 8 pagi hingga 10 malam.

"Banyak cara lain boleh dilaksanakan untuk memastikan penjarakan sosial dan mengelak kesesakan di klinik kesihatan, bukan dengan pelaksanaan sistem syif yang akan menimbulkan lebih banyak masalah nanti.

"Waktu operasi sedia ada di klinik kesihatan ialah antara jam 7.30 pagi hingga 5 petang dan dilanjutkan sehingga 9.30 malam yang sudah hampir menyamai hasrat KKM supaya penjarakan sosial dilaksanakan di klinik," katanya.

Adnan berkata, kementerian tidak mempunyai keupayaan bagi melaksanakan sistem syif di klinik kesihatan berikutan jumlah staf di fasiliti kesihatan awam masih tidak mencukupi untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Katanya, jumlah kakitangan di klinik kesihatan seluruh negara 'hanya cukup-cukup sahaja', sekali gus tidak mewajarkan me-

reka dibahagikan kepada dua syif, selain dikhuatiri akan menyebabkan premis itu gagal berfungsi dengan baik.

Hasil kajian CUEPACS juga mendapati hampir semua pesakit memilih untuk mendapatkan rawatan di klinik kesihatan sebelum jam 5 petang, berikutan akses pengangkutan awam yang lebih mudah.

"Ia belum mengambil kira staf perlu bercuti rehat atau sakit. Bayangkan apabila staf pada hari biasa dengan kekuatan 10 jururawat; petugas makmal (lima); doktor (enam) dan petugas farmasi (empat) dibahagikan kepada dua syif.

"Walaupun cadangan sistem syif ini baik untuk rakyat, tetapi sukar dilaksanakan kerana kekurangan sumber; terutamanya membabitkan isu kekurangan staf dan sistem yang menyedihkan di majoriti klinik kesihatan.

"Akhirnya, penjawat awam akan menjadi mangsa dan ter tekan, selain rakyat tidak lagi menerima perkhidmatan yang baik," katanya.



BH TV

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

50,511 kes denggi setakat tahun ini

Kuala Lumpur: Ketika memerangi Covid-19, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terus komited memastikan demam denggi terkawal dalam komuniti.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, sejak Januari hingga Sabtu lalu, sebanyak 50,511 kes demam denggi dengan 88 kematian dilaporkan berbanding 56,819 kes dan 88 kematian dalam tempoh sama tahun lalu.

Menurutnya, jumlah kumulatif kes bagi tempoh itu berkurang berbanding tahun lalu namun sejak lapan minggu lalu, trend peningkatan dikesan dengan purata lapan peratus seminggu.

"Berdasarkan trend itu, KKM menjangkakan peningkatan kes demam denggi dalam gelombang kedua, bermula awal Jun hingga September ini," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Adham berkata, sempena sambutan Hari Denggi peringkat Asean, tema 10 Minit Hapuskan Aedes dipilih pada peringkat kebangsaan tahun ini.

Katanya, tema itu bertujuan mewujudkan komitmen dan ker-

jasama padu dari semua pihak termasuk masyarakat, jabatan, agensi kerajaan mahupun swasta untuk menangani masalah denggi.


"Tema ini juga selari dengan hala tuju KKM dalam pencegahan denggi yang memberi penekanan peranan komuniti men-

“
Masyarakat
disaran untuk terus
melakukan aktiviti
pencegahan
denggi
Dr Adham Baba

jalankan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan nyamuk Aedes secara sendiri.

"Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKPP),

masyarakat disaran untuk terus melakukan aktiviti pencegahan denggi dengan mengutamakan penjarakan sosial, memakai pelitup muka serta kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair sanitasi," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

8

www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

lokal



BACAAN tepat pada pengimbas suhu badan dapat elak penularan Covid-19.

PENGIMBAS SUHU BADAN CAP AYAM: MENTERI BERI NASIHAT

Pastikan KKM lulus

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pemilik premis perniagaan digesa menggunakan alat pengimbas suhu diluluskan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), tegas Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, alat berkenaan perlu mendapat kelulusan *Medical Device Authority* di bawah KKM sebelum dibenarkan dijual di pasaran.

"Pemilik atau pengusaha

premis tidak boleh beli sebarang, elok beli di farmasi bukan di pasar malam dan sebagainya. Itu yang menyebabkan berlaku perkara seperti ini (bacaan tidak tepat).

"Kalau dah beli, mereka perlu perhatikan dari segi ketepatan suhu. Kalau nampak ada masalah perlu hantar untuk dikaliberasi," katanya dalam sidang media harian di Putrajaya, semalam.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, pelanggan-

gan yang tidak berpuas hati dengan pemeriksaan suhu di mana-mana premis boleh membuat aduan kepada anggota pasukan khas pematuhan atau KKM.

"Polis tidak memantau dan memeriksa alat pengimbas suhu di setiap premis kerana bukan kepakaran mereka.

"Cuma yang penting adalah pengusaha mesti mengambil inisiatif melihat ketepatan alat itu," katanya.

Katanya, menjadi tanggungjawab pengusaha perniagaan dan pelanggan

memastikan penggunaan peralatan itu mematuhi piawaian.

Harian Metro sebelum ini melaporkan pelbagai persoalan ditimbulkan sama ada alat pengimbas suhu digital digunakan meluas untuk pemeriksaan suhu badan benar-benar menunjukkan bacaan tepat atau produk murahan 'cap ayam' yang sekadar memenuhi syarat.





Penggunaan alat pengimbas suhu dianggap 'lesen' bagi membolehkan orang ramai memasuki premis perniagaan, bangunan pejabat, kemudahan awam dan pelbagai sektor lain kini diragui ketulenannya.

Pengimbas suhu bermasalah perlu dikaliberasi

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

ly  HarianMetro  @hmetromy  www.hmetro.com.my 

lokal

Kluster baharu di pusat jagaan warga emas

Kuala Lumpur: Kluster baharu Covid-19 dikesan di pusat jagaan warga emas di Kuala Selangor membabitkan lima kes setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes jangkitan itu membabitkan warga emas di pusat jagaan dengan pertambahan satu lagi kes baharu, semalam.

Menurutnya, dua kes dikesan pada 17 Mei lalu hasil daripada saringan dilakukan terhadap semua penghuni pusat jagaan berkenaan.

"Dua belas kakitangan dan 26 penghuni lain juga sudah disaring pada 17 Mei lalu dan keputusan mereka adalah negatif.

"Selepas sebulan, saringan dijalankan terhadap seorang penghuni yang mempunyai jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) di Hospital Tanjung Karang mendapati dia positif Covid-19," katanya pada si-



Selepas sebulan, saringan dijalankan terhadap seorang penghuni yang mempunyai SARI di Hospital Tanjung Karang mendapati dia positif Covid-19"

Dr Noor Hisham

dang media harian di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, warga emas itu didapati negatif ketika ujian saringan pertama dijalankan pada 17 Mei lalu.

"Pengesanan aktif kini sedang dijalankan, langkah pencegahan turut diambil termasuk nyahkuaman dan nyahcemar di pusat jagaan berkenaan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

50,511 kes, 88 maut akibat denggi sejak Januari

Usaha berterusan cegah wabak perlu diutamakan kerana jangkitan masih tinggi

Kuala Lumpur: Sebanyak 50,511 kes dan 88 kematian akibat demam denggi dicatatkan di seluruh negara dalam tempoh Januari hingga 13 Jun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata jumlah kumulatif kes demam denggi itu berkurangan berbanding tempoh sama tahun lalu iaitu sebanyak 56,819 kes dan 88 kematian yang telah dilaporkan.

"Namun sejak lapan minggu lepas, didapati berlaku trend peningkatan dengan purata peningkatan lapan peratus seminggu. Berdasarkan trend itu, Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan peningkatan kes demam denggi dalam gelombang kedua bermula pada awal Jun sehingga September ini," katanya dalam satu kenyataan sempena sambutan Hari Denggi ASEAN Ke-10, di sini semalam.

Dr Adham berkata, walaupun seluruh negara diuji pandemik COVID-19, usaha berterusan untuk memerangi ancaman wabak demam denggi perlu diberi keutamaan memandangkan angka kes dalam negara masih tinggi.

Katanya, individu dan masya-



Masyarakat perlu menghapuskan sendiri tempat pembiakan Aedes tanpa mengharapkan tindakan daripada pihak berkuasa. (Foto hiasan)

rakat turut disaran terus melaksanakan aktiviti pencegahan denggi dengan mengutamakan penjarakan sosial, memakai penutup hidung dan mulut serta kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pensanitasi tangan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Usaha (pencegahan) ini akan diperkasakan lagi melalui pembabitian ejen kesihatan iaitu sukarelawan Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI) di seluruh negara, yang

berperanan dalam membantu KKM untuk menjalankan aktiviti pendidikan pencegahan demam denggi melalui pendekatan norma baharu.

"Sehingga 12 Jun, terdapat 2,954 pasukan COMBI dengan penyerahan lebih 25,531 sukarelawan di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, tema Sambutan Hari Denggi ASEAN peringkat kebangsaan tahun ini ialah '10 Minit Hapuskan Aedes' bertujuan mewujudkan komitmen dan kerjasama padu daripada semua pihak termasuk ma-

syarakat, jabatan, agensi kerajaan mahupun swasta untuk bersama-sama menangani masalah denggi.

Melalui pendekatan tema itu, mesej yang ingin disampaikan adalah masyarakat perlu meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk melaksanakan aktiviti pembersihan persekitaran dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk Aedes setiap minggu.

"Tema ini juga selari dengan hala tuju KKM dalam pencegahan denggi yang memberikan peneka-



Tema ini juga selari hala tuju KKM dalam pencegahan denggi yang memberikan peranan komuniti musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes di premis masing-masing secara sendiri.

Dr Adham Baba,
Menteri Kesihatan

nan kepada peranan komuniti untuk menjalankan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan nyamuk Aedes di premis masing-masing secara sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Dr Adham juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas komitmen menangani penularan demam denggi dalam negara, dengan harapan usaha ini diteruskan demi memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati tahap kehidupan yang berkualiti dan bebas daripada ancaman demam denggi.

BERNAMA

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : MEMERANGAI WABAK COVID-19

88 mati akibat denggi

Sebanyak 50,511 kes denggi dilaporkan dari Januari sehingga 13 Jun 2020

KUALA LUMPUR

Sebanyak 50,511 kes dan 88 kematian akibat demam denggi dicatatkan dalam negara dari Januari 2020 sehingga 13 Jun lepas, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Menurutnya, jumlah kumulatif kes demam denggi itu berkurang berbanding tempoh sama tahun lepas iaitu sebanyak 56,819 kes dan 88 kematian yang telah dilaporkan.

"Namun sejak lapan minggu lepas, didapati berlaku trend peningkatan dengan purata peningkatan lapan peratus seminggu. Berdasarkan trend itu, Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan peningkatan kes demam denggi dalam gelombang kedua bermula pada awal Jun sehingga September 2020," katanya dalam satu kenyataan bersempena sambutan Hari Denggi ASEAN ke-10 di sini semalam.

Dr Adham berkata, biarpun seluruh negara termasuk Malaysia diuji pandemik Covid-19, usaha berterusan untuk memerangi ancaman wabak demam

denggi perlu diberi keutamaan memandangkan angka kes dalam negara masih tinggi.

Individu dan masyarakat turut disaran terus melakukan aktiviti pencegahan denggi dengan mengutamakan penjarakkan sosial, memakai penutup hidung dan mulut serta kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pensanitasi tangan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Usaha (pencegahan) ini akan diperkasakan lagi melalui penglibatan ejen kesihatan iaitu sukarelawan Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (Combi) di seluruh negara yang berperanan dalam membantu KKM untuk menjalankan aktiviti pendidikan pencegahan demam denggi melalui pendekatan norma baharu.

"Sehingga 12 Jun, terdapat 2,954 pasukan Combi dengan penyertaan lebih 25,531 sukarelawan di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, tema Sam-

butan Hari Denggi ASEAN peringkat kebangsaan tahun ini ialah '10 Minit Hapuskan Aedes', bertujuan mewujudkan komitmen dan kerjasama padu daripada semua pihak termasuk masyarakat, jabatan, agensi kerajaan mahupun swasta untuk bersamasama menangani masalah denggi.

Melalui pendekatan tema itu, mesej yang ingin disampaikan adalah masyarakat perlu meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk melaksanakan aktiviti pembersihan persekitaran dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk aedes setiap minggu.

"Tema ini juga selari dengan hala tuju KKM dalam pencegahan denggi yang memberikan penekanan kepada peranan komuniti untuk menjalankan aktiviti pemusnahan tempat-

tempat pembiakan nyamuk aedes di premis masing-masing secara sendiri," katanya. - Bernama

DR ADHAM BABA



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGAI WABAK COVID-19

Tiga individu tular disahkan kakitangan KKM

SHAH ALAM - Tiga individu yang tular di media sosial kononnya menyamar untuk menjalankan ujian swab di sebuah rumah di kawasan perumahan di sini disahkan sebagai kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Baharudin Mat Taib berkata, ketiga-tiga kakitangan itu pergi ke rumah berkenaan bukan untuk menjalankan ujian swab tetapi untuk memantau keadaan individu dalam siasatan (PUI) bagi koronavirus (Covid-19).

"Sebuah van yang dinaiki tiga orang kakitangan KKM dalam video tersebut juga adalah milik Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, manakala nombor pendaftaran van berkenaan yang dikatakan milik kenderaan jenis Perodua Myvi juga adalah tidak tepat.

"Polis menerima laporan mengenai isu tersebut (menyamar sebagai kakitangan KKM) semalam (kelmarin).

"Siasatan mendapati ia adalah salah faham antara pengadu dan pihak yang hadir ke lokasi rumah pengadu," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Baharudin berkata, pihak KKM telah membuat laporan polis semalam bagi mengesahkan kehadiran kakitangannya ke rumah berkenaan di Bukit Subang sekitar jam 2 petang kelmarin yang bertujuan memantau PUI terbabit.

Sehubungan itu, katanya, polis menyarankan orang ramai agar berhenti menyebarkan video dan gambar berkaitan insiden salah faham berkenaan. - *Bernamea*

KKM nafi van kementerian digunakan untuk kegiatan jenayah

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menafikan bahawa van kementerian itu digunakan untuk kegiatan jenayah susulan dakwaan yang tular di aplikasi WhatsApp mengatakan ada individu yang menyamar sebagai kakitangan mereka dan melakukan ujian swab koronavirus (Covid-19) di rumah.

KKM menerusi kenyataan di Facebook semalam berkata, dakwaan berkenaan adalah palsu, namun van tersebut adalah milik KKM.

"Dakwaan mengatakan van KKM digunakan untuk

aktiviti jenayah adalah palsu. Van tersebut milik KKM dan kakitangan yang terlibat adalah warga kerja KKM.

"Pihak kami telah membuat laporan polis berhubung aduan palsu ini," katanya.

Dakwaan kononnya van KKM digunakan untuk jenayah tersebar sejak semalam selepas ada pengguna WhatsApp menyebarkan rakaman video berdurasi satu minit 10 saat yang menunjukkan tiga orang lelaki menaiki van KKM datang ke sebuah rumah.

Pengguna terbabit turut mendakwa lelaki tersebut datang ke rumah jiran kawannya dan memaklumkan mereka ialah kaka-

tangan KKM dan mahu menjalankan ujian swab Covid-19 dalam kejadian di Shah Alam, Selangor.

Namun, beliau mendakwa nombor pendaftaran van tersebut adalah palsu kerana berdasarkan semakan yang dibuat, ia didaftarkan atas sebuah kereta Perodua Myvi.

Sehubungan itu, pengguna berkenaan meminta orang ramai berhati-hati dan tidak membenarkan sesiapa masuk ke dalam rumah meskipun mereka memakai peralatan perlindungan diri (PPE) kerana KKM akan memaklumkan kepada tuan rumah sebelum kehadiran mereka.



KKM menafikan bahawa van kementerian itu digunakan untuk kegiatan jenayah susulan dakwaan yang tular di WhatsApp mengatakan ada individu yang menyamar sebagai kakitangan KKM dan melakukan ujian swab Covid-19 di rumah.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGAI WABAK COVID

Kluster rumah penjagaan warga emas

Terdapat tiga kes positif di pusat jagaan tersebut di Kuala Selangor

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan satu lagi kluster baharu membabitkan sebuah rumah penjagaan warga emas di Kuala Selangor, Selangor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster itu dikenal pasti selepas terdapat tiga kes positif coronavirus (Covid-19) di pusat jagaan tersebut.

"Dua kes didapati positif Covid-19 pada 17 Mei lalu hasil daripada saringan pusat penjagaan warga emas.

"Seramai 12 kakitangan dan 26 penghuni telah disaring dan keputusannya kesemua kakita-

ngan dan 24 penghuni yang lain negatif.

"Setelah hampir sebulan kemudian, kes ketiga ini pula didapati positif Covid-19 daripada saringan Severe Acute Respiratory Illness (SARI) apabila dimasukkan ke wad Hospital Tanjung Karang pada 13 Jun lalu," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kes positif ketiga itu dikesan selepas mangsa menjalani ujian saringan kali kedua.

"Keputusan negatif pada saringan kali pertama di pusat penjagaan warga emas.

"Pengesanan kes secara aktif sedang dijalankan dan langkah-langkah pencegahan turut diambil termasuk nyahkuman dan nyahcemar," katanya.

Menurutnya, kes positif itu turut menunjukkan gejala.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan sebanyak 41 kes baharu positif Covid-19 dire-



DR NOOR HISHAM

kodkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes itu meningkat kepada 8,494 orang.

Katanya, kes baharu itu termasuk seorang bayi berusia sembilan bulan yang baru pulang dari Singapura yang merupakan antara tiga kes jangkitan luar negara yang dilaporkan.

"Daripada 41 kes baharu yang dilaporkan, tiga kes membabitkan kes import warga Malaysia yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Daripada 38 kes penularan di dalam negara, 32 kes bukan warganegara manakala enam kes dalam kalangan warga Malaysia," katanya.

Menurutnya, jangkitan dalam negara yang membabitkan warga asing ialah 14 kes di Akademi Imigresen Malaysia, Port Dickson iaitu Orang Kena Tahan (OKT) yang dipindahkan ke sana daripada Depot Tahanan Imigresen (DTI) Bukit Jalil, 15 kes Kluster Pedas dan dua kes Kluster Syarikat Pembersihan.

"Tiada pertambahan kes kematian dilaporkan hari ini (semalam) menjadikan jumlah kumulatif kes kematian di Malaysia kekal sebanyak 121 kes," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM telah

menambah baik aplikasi MySejahtera dengan memperkenalkan fungsi terbaru iaitu MySejahtera Check-In.

Katanya, fungsi itu diperkenalkan secara rintis pada 1 Jun dan mula digunakan secara meluas pada 6 Jun.


"Fungsi ini mendapat sambutan hangat dan dalam tempoh hanya 13 hari sebanyak 119,837 premis perniagaan telah mendaftar untuk QR code dan sebanyak 10,006,857 check-ins dicatat dari seluruh negara.

"Fungsi MySejahtera Check-In berkonsepkan Simple, Safe and Secure," katanya di sini semalam.

Menurutnya, sejak dilancarkan 20 April lalu, lebih 3.6 juta orang mendaftar dan menggunakan aplikasi tersebut.

Katanya, aplikasi itu menjadi satu pencapaian yang boleh dibanggakan demi merealisasikan proses digitalisasi kesihatan di Malaysia.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes . TUESDAY, JUNE 16, 2020

4 | NEWS / Nation

38 PEOPLE SCREENED

NEW CLUSTER AT OLD FOLKS HOME

Ministry detects 3 cases in Kuala Selangor home, says Health D-G.

TEOH PEI YING
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

AN old folks home in Kuala Selangor has become the latest Covid-19 cluster, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah yesterday.

He said the Health Ministry had detected three cases at the old folks home so far, adding that the first two cases were reported on May 17 during an active case detection exercise and the said old folks home was one of the targeted groups.

"Twelve workers and 26 residents were screened and only two residents tested positive.

"After almost a month, a third case was reported when the patient was warded at the Tanjung Karang Hospital for Severe Acute Respiratory Illness on June 13 and he was tested (for Covid-19).

"This was his second test. He tested negative in the first screening," Dr Noor Hisham said at the daily Covid-19 press conference.

He said the ministry had identified 31 people who had had close contact with the Setapak Pakistani barber.

"Initially we said 40 people, but our investigation confirmed only 31 who had close contact with the barber.

"The ministry has screened all of them; 29 have tested negative and another two are waiting for their results.

"So we don't have a barbershop



Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah speaking at a press conference on Covid-19 in Putrajaya yesterday. With him is deputy Health director-general (Public Health) Datuk Dr Chong Chee Kheong. BERNAMA PIC

cluster, (as) only one is Covid-19 positive," he said.

To a question, he said the public could check with the district Health offices on the authenticity of visits by health officials to their premises.

Dr Noor Hisham said the verification process would need the input from both the residents and the health officials.

"If the residents are wary about such a visit, they can contact their district Health offices for confirmation. They can also

contact the police. The district Health office will have the information.

"Perhaps, we will look into the procedure.

"Perhaps, in the future (those making such visits) should call first," he said in response to a viral post showing three men purportedly conducting swab tests at a home in a housing area in Shah Alam.

On case updates, Dr Noor Hisham said Malaysia recorded 41 new Covid-19 cases up to noon

yesterday, bringing the cumulative cases in the country to 8,494. No new fatalities were reported, with the death toll remaining at 121.

He said from these new cases, three were imported and 38 were local transmissions involving 32 foreigners and six Malaysians.

The three imported cases, he said, were Malaysians who returned from Singapore. They were a 9-month-old baby girl, a 13-year-old female student and a 54-year-old man.

On the possibility of implementing a two-shift system at government clinics, he said the ministry had to look into manpower issues first.

"Before we can put such a system in place to solve congestion issue and extend the operating hours at the clinics, we need to have more staff.

"If we are to do the two-shift system with existing manpower, many will disagree as they need to work two shifts straight, from morning to night," he said.

Trio in viral video confirmed to be Health Ministry personnel

SHAH ALAM: The three individuals seen on a video purportedly conducting swab tests at a home in a housing area here have been confirmed to be Health Ministry (MOH) personnel checking on the condition of a person under investigation (PUI) for Covid-19.

Shah Alam district police chief Assistant Commissioner Baharudin Mat Taib said the van used by the trio as seen in the

video belonged to the Petaling District Health Office and that the vehicle registration number that went viral earlier was inaccurate.

"Police received a report regarding the issue (posing as MOH personnel) yesterday and investigations found that it was a misunderstanding between the complainant and the team present at the complainant's house.

"The MOH personnel were not

there to conduct swab tests but to monitor the condition of the person under investigation (PUI) for Covid-19," he said in a statement yesterday.

Baharudin said the ministry lodged a police report yesterday to confirm the presence of its personnel at the said home in Bukit Subang at around 2pm on Sunday to monitor the affected PUI.

He advised the public to stop sharing the video and pictures of

the incident.

The one-minute and 10-second video, which went viral on social media, showed three men in a van, bearing the MOH sign, arriving at the house to conduct Covid-19 swab tests.

A screenshot of a WhatsApp message claiming that the registration number of the vehicle used by three men was fake and belonged to a Perodua Myvi car had also gone viral. **Bernama**



Assistant Commissioner Baharudin Mat Taib

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

A worrying hidden epidemic

Health Ministry: Over 400,000 kids struggling with mental health issues

By CLARISSA CHUNG
clarissachung@thestar.com.my

PETALING JAYA: At a young age, John (not his real name) lost his father due to illness.

Although his mother did her best to support and raise him, John fell in with the wrong crowd and eventually started acting out.

The boy's anger management issues and other worrying behaviour eventually led to counselling sessions with Assoc Prof Dr Anasuya Jegathevi Jegathesa.

It is not unusual for the psychology programme director at Taylor's University to handle such cases involving youngsters.

After all, the Health Ministry has estimated that over 400,000 of Malaysia's children struggle with mental health problems. The ministry even calls it a "hidden epidemic".

Recalling her experience in counselling children, Dr Anasuya said biological factors and family dynamics contribute to mental health issues among young people.

Happily, John's mother placed him in another school and introduced positive elements in his life.

"Over time, the situation resolved itself," said Dr Anasuya.

There are many who need the intervention and help that saved John. Findings from the National Health and Morbidity Survey 2019 showed that about 424,000 children in Malaysia have mental health problems. The figure represents about 8% of those aged five to 15.

The survey found that with many of the children (almost 43%), poor interaction with peers was the



cause of their mental health problems. Among other major factors were conduct problems (16%), emotional problems (8%) and hyperactivity (2%).

Parents play a big part in this matter. Parental expectations in academic performance and stressors at school contribute significantly to mental health issues faced by children, said Dr Anasuya.

"Malaysian parents focus on education to the exclusion of all else. During so-called big exam periods, they stop all activities for the child.

"Under such pressure, some children would think that if they were not getting good grades, they were not good sons or daughters, or even

good people," she said.

She gave the example of schools that streamed students according to their academic abilities, even at primary school level.

"This is an important issue that schools need to address — this obsession that every student must excel. If not, they are deemed 'useless'," she said, adding that on the flipside, some top-performing students may also have trouble coping with failure in life, she said.

Mental health literacy must be taught to pupils, though she acknowledged that resources needed to do so would have to be extensive.

"There is no easy answer on how we can deliver such resources to all

children, especially those who may need it more, such as in schools in poor urban areas and those in rural areas," she said.

Another possible factor contributing to mental health problems is the onset of puberty, which usually impacted girls more, she said.

According to the Health Ministry survey, kids most likely to have mental health problems were girls aged between 10 and 15, living in rural areas, and from households in the B40 category.

"A major milestone is when girls hit puberty. That is an automatic hit on female self-esteem.

"Sometimes, the way people hide periods or make girls ashamed of being a girl, leads to serious mental health issues," said Dr Anasuya.

Malaysian Mental Health Association president Datuk Dr Andrew Mohanraj said a large number of youth are struggling with mental health issues.

A high number of children in Malaysia grapple with stress, which leads to symptoms that suggest they have anxiety or depressive disorders, he said.

"Increased use of digital technology, the negative impact of social media and increased expectations from parents and teachers can also result in such disorders," he said.

While the majority of children are facing undue stress, there are other youngsters who experience psychological disorders and developmental disabilities, he added.

"It is more likely that the condition of this group will become more complex as they transition into adolescence, leading to poor perfor-

mance and low self-esteem," he said, adding that mental health issues often go undetected, especially in rural areas.

"At times, due to poor detection of cases, kids with behavioural symptoms are labelled mischievous or disobedient by the school system.

"There's a greater likelihood of such kids in rural settings having their conditions go undetected or under-diagnosed. Often, they have less access to proper treatment and are less likely to see a therapist due to financial constraints," he said.

Currently, school counsellors are heavily relied on to identify and provide support to students with mental health issues, he said.

He emphasised that an "entire system of psychosocial support", comprising family members, school and a societal system, is needed for kids to get the right kind of help.

"A multi-sectoral approach involving the education sector, mental health NGOs and parent groups is necessary to ensure the mental health needs of our children are met.

"The school syllabus may also need to be tweaked to include mental health literacy, coping skills and help-seeking pathways," he said.

The Institute for Public Health, which published the survey findings, had taken a nationally representative sample and used statistical methods to calculate the estimated number of children who have mental health problems.

The figures are based on the responses of over 5,000 households that participated in the survey.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally (As of 7pm June 15, 2020)												
Malaysia												
	New cases			Total cases			Total deaths			Total recovered		
	41			8,494			121			7,400		
Asean+	China	Singapore	Indonesia	Philippines	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos
Confirmed cases	83,181	40,818	39,294	26,420	17,429	12,085	3,135	334	261	141	128	19
Deaths	4,634	26	2,198	1,098	925	277	58	0	6	2	0	0
Recovered	78,370	29,589	15,123	6,252	15,643	10,718	2,987	323	167	138	125	19
Global Top 10	US	Brazil	Russia	India	UK	Spain	Italy	Peru	Iran	Germany		
Confirmed cases	2,162,261	867,882	537,210	333,255	295,889	291,008	236,989	229,736	189,876	187,671		
Deaths	117,858	43,389	7,091	9,524	41,698	27,136	34,345	6,688	8,950	8,870		
Recovered	870,076	453,568	284,539	169,817	N/A	N/A	176,370	115,579	150,590	172,600		

Latest cluster found in old folks home

Ministry confirms three infections after resident tested negative earlier

By JOSEPH KAOS Jr and HANIS ZAINAL
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: An old folks home in Kuala Selangor is the newest Covid-19 cluster in the country after the Health Ministry detected three infections originating from there.


Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah says the latest case is a 69-year-old resident of the home.

"He was admitted to the Tanjung Karang Hospital for Severe Acute Respiratory Illness (SARI) on June 13. A Covid-19 test conducted on him revealed that he is positive for the virus.

"Previously, the ministry had conducted screening at the old folks home and the patient tested negative for Covid-19 then," he said at the Covid-19 press conference here.

Dr Noor Hisham said the ministry previously found two positive cases at the home on May 17.

"At that time, 12 staff and 26 residents of the home were tested. All 12 staff and 24 out of 26 residents tested negative for Covid-19," he said.



The two positive cases have so far recovered and been discharged, which means there is only one active case related to the cluster.

Dr Noor Hisham said active case detection as well as sanitisation and disinfection were being carried out at the home.

Yesterday, Dr Noor Hisham announced 41 new infections in the country, with 38 of them being local transmissions, while three others

were imported cases involving Malaysians returning from Singapore.

Of the 38 locally transmitted cases, 32 involved non-Malaysians; with 15 new cases from the Padas cluster in Negri Sembilan, 14 from the Bukit Jalil immigration depot cluster and two from the cleaning services company cluster.

Another one is detected from a screening on employees conducted by a cleaning company in Kuala Lumpur.

There are now 973 active cases in the country, with four people under intensive care and none on ventilator support. There is no new death, which keeps the death toll at 121.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said the implementation of two shifts for government health clinics to ease congestion must be studied first.

"If we look at the congestion at health clinics, one of the suggestions was to implement a two-shift system so that the operating hours can be extended.

"But we need to look at human resources in the ministry first and increase the number of staff before we can have two shifts.

"This is because if we use the personnel we have now, maybe many will not agree to it. They will have to work for two shifts (in a row), from morning until night," he said.

On another matter, Dr Noor Hisham said members of the public should ask for the authority card of ministry's personnel if they had doubts.

"They can also call the district health office if they suspect something amiss," he said.

On the Covid-19 positive barber in Setapak, Kuala Lumpur, Dr Noor Hisham said 29 of his close contacts tested negative for the virus.

"Upon investigation, only 31 were classified as close contacts of the barber and 29 have tested negative, with two results pending.

"So there is no 'barbershop cluster' as there is only one positive case so far," he said.

The barber was reported to have conducted illegal house calls during the movement control order period.

Watch the video
thestartv.com

